

# **PENERAPAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM KOKURIKULUM DI KALANGAN PELAJAR TAHUN AKHIR SARJANA MUDA TEKNOLOGI SERTA PENDIDIKAN, UTM**

Norani Bt. Mohd Noor & Noorashidi Bin Borhan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai penerapan kemahiran generik dalam matapelajaran kokurikulum yang telah disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan di UTM. Seramai 136 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, iaitu 92 orang responden perempuan dan 44 orang responden lelaki yang terdiri daripada semua pelajar tahun akhir Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan dan telah mengambil matapelajaran kokurikulum. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Tahap kebolehpercayaan (Alfa Cronbach) yang diperolehi untuk soal selidik ini ialah 0.9068. Data mentah dianalisis menggunakan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for The Social Science*) Version 11.5 For Windows untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan penerapan kemahiran komunikasi, kemahiran kerja dalam kumpulan dan kemahiran kepimpinan dalam kokurikulum berada pada tahap sederhana. Ini dapat dilihat pada hasil dapatan yang menunjukkan penerapan kemahiran kerja dalam kumpulan memperoleh peratus tertinggi iaitu 71.4% diikuti kemahiran kepimpinan 50% dan yang terakhir kemahiran komunikasi sebanyak 45.2%. Kajian ini juga mendapati bahawa kaedah yang kerap digunakan untuk menerapkan kemahiran generik dalam kokurikulum adalah perbincangan dalam kumpulan, pelaksanaan projek dan tugas kumpulan.

**Abstract:** This research was done to survey the intergration of generic skills in the co-curriculum subjects. It had be done for the final year students in Bachelor Technology with Education at UTM. A number of 136 respondents were involved in this research which are 92 female and 44 male respondents who had done their co-curriculum subjects. A set questionnaire had been used as a research instruments. The realibility level (Alpha Cronbach) attained from the questionnaire is 0.9068. The raw data was analyzed by using SPSS (*Statistical Package for The Social Science*) software version 11.5 For Windows to calculate the frequency,percentage and mean. The findings had shown that the intergration of communication, teamworking and leadership skills in co-curriculum are in the medium level. It also shows the integrated of teamworking skills in co-curriculum got the highest percentage which is 71.4%, followed by leadership skills 50% and the last is communication skills 45.2%. This research also shows the always methods has been used to intergrated the generic skills in co-curriculum are group discussion, project implementations and group assignments.

*Katakunci:* kemahiran generic, kokurikulum, pelajar tahun akhir

## **Pengenalan**

Kemahiran generik perlu diterapkan dalam diri pelajar semasa berada di universiti lagi untuk perkembangan diri mereka. Hal ini kerana kemahiran generik adalah suatu keperluan tambahan bagi pelajar dalam menentukan pembangunan dan perkembangan sesebuah organisasi di samping menjamin kecemerlangan diri sendiri. Pelajar yang mahir dalam profesion masing-masing dan mempunyai penguasaan dalam kemahiran generik akan mendapat tempat dalam bidang pekerjaan atau organisasi. Justeru itu, pengetahuan dan kemahiran yang seharusnya ada pada mahasiswa hendaklah meliputi semua aspek dan bukannya tertumpu kepada bidang pengajian sahaja. Secara umumnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengiktiraf model pembangunan kemahiran generik yang digunapakai oleh Universiti

Teknologi Malaysia (UTM) dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan Kemahiran Insaniah di kalangan pelajar IPT.

### **Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah, kemahiran generik banyak menekankan keperluan para pekerja yang bukan sahaja berkemahiran teknikal tetapi juga memiliki pelbagai kemahiran pekerjaan termasuklah kemahiran insaniah ini. Kemahiran generik merupakan kemahiran yang mesti dimiliki seterusnya dapat diamalkan terutamanya di alam pekerjaan kelak. Cabaran pendidikan kini mengalami gelombang perubahan yang semakin ketara dengan wujudnya kurikulum dalam kokurikulum baru yang diperkenalkan kerajaan mahupun kementerian. Justeru, kemahiran generik ini amat penting sekali sebagai nilai tambah kepada pelajar terutamanya bakal-bakal guru. Oleh itu, penerapan kemahiran generik ini sebenarnya bermula dalam proses latihan perguruan lagi.

Persoalannya, sejauh manakah penerapan kemahiran generik ini dilaksanakan menerusi kokurikulum terutamanya di Universiti Teknologi Malaysia yang wajib diikuti oleh setiap pelajar semua jurusan termasuk Fakulti Pendidikan dan jika dibandingkan dengan aktiviti kokurikulum di maktab atau IPG, ianya terlalu kurang. Di sekolah kelak, aktiviti kokurikulum diuruskan oleh guru-guru dan melibatkan pelajar. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat penerapan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir, Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan menerusi aktiviti kokurikulum yang disertai mereka sebelum memasuki alam pekerjaan kelak.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk melihat tanggapan para pelajar-pelajar tahun akhir, Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia terhadap penerapan kemahiran generik menerusi kokurikulum yang telah disertai oleh mereka.

Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut

- i) Menenalpasti sama ada kemahiran komunikasi diterapkan menerusi kokurikulum di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.
- ii) Menenalpasti sama ada kemahiran bekerja dalam kumpulan diterapkan menerusi kokurikulum di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.
- iii) Menenalpasti sama ada kemahiran kepimpinan diterapkan menerusi kokurikulum di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.
- iv) Menenalpasti kaedah yang digunakan untuk menerapkan kemahiran generik menerusi kokurikulum di kalangan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.

### **Kepentingan Kajian**

Kemahiran generik penting untuk membolehkan para graduan dan pelajar berfungsi di dalam dunia yang kini banyak berubah. Kajian yang dilakukan ini akan memberi faedah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan khususnya guru pelatih yang akan melibatkan diri dalam ko-kurikulum di sekolah kelak. Antara pihak yang boleh mendapat faedah dari kajian ini ialah seperti berikut :

#### **Pihak Universiti (Pusat Kokurikulum)**

Pertamanya adalah kepada pihak Universiti untuk membuat perancangan bagi meningkatkan penerapan kemahiran generik pelajar semasa mereka menghadiri ko-kurikulum yang telah diwajibkan kepada mereka.

## **Guru Pelatih**

Selain itu, ini dapat menyedarkan kepada pelajar bahawa kemahiran - kemahiran insaniah yang perlu ada dalam diri mereka seterusnya membolehkan mereka bersedia dengan segala kemahiran untuk digunapakai di sekolah kelak terutamanya dalam penglibatan aktiviti ko-kurikulum.

## **Fakulti Pendidikan**

Dengan kajian ini Fakulti Pendidikan akan mendapat hasil tindak balas berkenaan kemahiran generik yang telah diterapkan oleh Pusat Kokurikulum UTM seterusnya boleh diselidiki semula kesesuaiannya. Kurikulum di IPG boleh dijadikan kayu ukur untuk melihat kebekersanan pelaksanaan kokurikulum untuk guru pelatih UTM.

## **Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)**

Kajian ini juga dapat membantu KPTM dan KPM untuk mengenalpasti mengenai penguasaan kemahiran generik bagi guru pelatih di IPTA menerusi kokurikulum yang disertai mereka ketika dalam pengajian. Pihak KPM perlu memantau dan memperluaskan diri guru pelatih dengan secukupnya sebagai persediaan sebelum masuk ke alam pekerjaan di sekolah kelak.

## **Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan iaitu sampel kajian adalah terdiri daripada semua pelajar-pelajar tahun akhir Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM yang telah selesai menghabiskan matapelajaran ko-kurikulum mereka. Kursus – kursus yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) - SPH
- ii. Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejututeraan Awam) - SPA
- iii. Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik) - SPE
- iv. Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kej. Mekanikal) – SPJ

Pengkaji hanya membataskan kajian ini kepada skop kemahiran komunikasi (communication skills), bekerja dalam kumpulan (teamworking) dan kepimpinan (leadership) di dalam aktiviti kokurikulum. Maklum balas yang diberikan oleh pelajar-pelajar dalam kajian ini diandaikan telah diberikan dengan jujur dan penuh tanggungjawab. Segala keputusan yang diperolehi nanti hanyalah melibatkan guru pelatih di bawah Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan di UTM sahaja dan tidak boleh disamakan dengan guru pelatih dari jabatan mahupun universiti/institusi lain.

## **Metodologi**

### **Persampelan dan Responden**

Persempelan adalah merupakan pengambilan sebahagian daripada sesuatu populasi. Ia merupakan kaedah yang baik untuk mengurangkan kos dan menggambarkan seluruh populasi. Sebagaimana yang diketahui, sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Menurut Mohd Majid (1994), populasi merupakan satu cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu sama lain. Menurut Azizi et.al (2007), sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun tidak.

Populasi bagi kajian ini merupakan pelajar tahun akhir yang mengambil Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan di Fakulti Pendidikan, UTM. Oleh kerana jumlah pelajar yang mengambil jurusan ini tidak terlalu ramai, pengkaji menggunakan jenis persampelan seluruh populasi. Oleh itu, pengkaji menentukan hanya pelajar tahun akhir di bawah Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan sahaja yang akan diambil sebagai responden. Jumlah sampel yang diambil adalah dengan merujuk Jadual Krejcie, R. V dan Morgan D. W. iaitu menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel daripada populasi.

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian ini sering digunakan dalam bidang kajian kerana ia agak mudah berbanding dengan cara lain. Menurut Mohd Majid (1994), soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan terutama populasi yang besar. Selain itu, ia juga digunakan untuk mendapatkan semua maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain.

Kesemua item yang terdapat dalam borang soal selidik ini adalah dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan fakta kajian lalu dan kesesuaian tajuk. Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:-

#### **i. Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi empat item yang merujuk kepada latarbelakang responden iaitu jantina, bangsa, kursus dan matapelajaran kokurikulum yang disertai di UTM.

#### **ii. Bahagian B**

Bahagian ini dibina berdasarkan persoalan kajian iaitu mengenai bagaimana kemahiran komunikasi, bekerja dalam kumpulan dan kepimpinan diterapkan dalam aktiviti kokurikulum yang mereka sertai. Responden dikehendaki menandakan ( O ) pada pilihan yang berkenaan dengan responden berdasarkan skala yang diberikan.

#### **iii. Bahagian C**

Bahagian ini dibina berdasarkan persoalan kajian keempat iaitu kaedah yang digunakan untuk menerapkan kemahiran-kemahiran generik dalam aktiviti kokurikulum yang telah mereka sertai. Responden dikehendaki menandakan ( O ) pada pilihan yang berkenaan dengan responden berdasarkan skala yang diberikan.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis terhadap soalan kajian dilakukan terlebih dahulu untuk menguji kesahan soalan. Menurut Mohamad Najib (1999), sebelum melakukan kajian sebenar, kajian rintis perlu dilakukan dengan menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji. Kajian rintis telah dilakukan oleh penyelidik ke atas 10 orang pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan. Pemilihan sampel untuk kajian rintis ini dilakukan secara rawak bertujuan bagi memastikan instrumen kajian yang diguna pakai bersesuaian dengan responden dan mempunyai kesahan ujian.

Sebanyak 10 borang soal selidik telah diisi dan dikembalikan, diproses dan dianalisis datanya menggunakan '*Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5*' bagi mendapatkan koefisien Alpha Cronbach. Menurut Majid (2005), biasanya indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.6 boleh dianggap mencukupi.

## **Nilai Kebolehpercayaan**

Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dimana nilai alpha keseluruhan instrumen soal selidik yang dibuat ialah 0.9068. Oleh itu, soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan telah diedar kepada responden sebenar.

## **Perbincangan**

### **Bahagian A (Latar Belakang Responden).**

Dapatan kajian yang dijalankan terhadap 136 orang responden merupakan pelajar tahun akhir di Jabatan Teknik dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Terdapat 5 aspek dikemukakan berhubung dengan latar belakang dalam kajian ini iaitu jantina, bangsa, kursus dan jenis matapelajaran kokurikulum 1 dan 2 yang telah disertai oleh responden. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan secara keseluruhannya daripada 136 orang responden, 92 responden adalah perempuan dan selebihnya iaitu 44 responden merupakan pelajar lelaki. Majoriti responden menunjukkan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan adalah di kalangan perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu 119 orang, 7 orang berbangsa Cina dan lain-lain bangsa iaitu bumiputera Sabah dan Sarawak dan juga tiga orang responden berbangsa India.

Dalam kajian ini 93 orang responden adalah merupakan pelajar tahun akhir yang mengikuti Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), 12 orang yang mengikuti Sarjana Muda teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), 20 orang yang mengikuti Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), serta 11 orang yang mengikuti Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal).

Bagi jenis matapelajaran kokurikulum 1 yang telah disertai pelajar tahun akhir, seramai 67 orang responden memilih Modul Sukan dan Jatidiri, 30 orang responden memilih Modul Pembinaan Jatidiri dan Masyarakat, 20 orang memilih Modul Kesenian dan Kebudayaan dan seramai 19 orang menyertai Modul Program Khas. Seterusnya matapelajaran Kokurikulum 2 pula seramai 64 orang memilih Modul Sukan dan Jatidiri, 48 orang pula memilih Modul Pembinaan Jatidiri dan Masyarakat, 12 orang masing-masing memilih untuk menyertai Modul Sukan dan Jatidiri serta Modul Program Khas.

### **Bahagian B (Persoalan Kajian)**

Perbincangan yang dilakukan ini adalah berdasarkan kepada kesimpulan kajian yang telah dibuat. Ia telah dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut persoalan kajian bagi memudahkan penjelasan dilakukan.

#### **1. Penerapan kemahiran komunikasi dalam aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM**

Pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan beranggapan kemahiran komunikasi adalah penting walaupun purata peratus adalah rendah. Penglibatan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum terlalu banyak memberi manfaat. Ini kerana pelajar ini bukan sahaja diterapkan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka, malahan dalam matapelajaran kokurikulum yang disertai mereka juga menerapkan kemahiran komunikasi yang mana boleh diamalkan apabila mengajar di sekolah kelak.

Menurut Abdul Rahman (2000), kita perlu memahami apa yang dikatakan oleh orang lain dahulu sebelum kita mengemukakan pendapat kita. Ini selari dengan dapatan kajian mengenai berfikir dahulu sebelum

menjawab sesuatu persoalan. Kebanyakan pelajar bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan menyatakan mereka kerap berfikir dahulu sebelum menjawab sesuatu yang dikemukakan. Ini juga disokong oleh Karen Irmsher (1996) yang menyatakan fikir dahulu sebelum memberi jawapan atau ulasan. Ini kemungkinan pelajar-pelajar ini sememangnya telah dilatih dengan kerap dalam proses pembelajaran mereka ketika kuliah untuk memberi hujah berdasarkan fakta. Ia secara tidak langsung dapat menggambarkan peribadi seorang mahasiswa yang berkredibiliti tinggi.

Dalam kemahiran komunikasi seseorang itu perlu menjadi pendengar yang baik dan tidak mencelah apabila seseorang sedang memberi pandangan atau pendapat terutamanya untuk membetulkan kesilapan (Karen Irmsher, 1996). Ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan kebanyakan pelajar mengamalkan kemahiran mendengar dengan teliti ketika aktiviti kokurikulum dijalankan. Aktiviti mendengar sememangnya perlu ada dalam diri pelajar terutama bagi seorang bakal guru kerana apabila di sekolah kelak, guru adalah tempat tumpuan pelajar untuk bertanya soalan, mengadu masalah dan sebagainya.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam aktiviti kokurikulum perlu di pertingkatkan lagi kerana dapatan kajian menunjukkan pelajar kurang diterapkan dengan penggunaan bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Adibah (2005) yang mendapati kemahiran komunikasi terutamanya di dalam Bahasa Inggeris juga dilihat merupakan salah satu kemahiran yang kurang dikuasai pelajar berbanding kemahiran lain. Kemungkinan pihak jurulatih kokurikulum lebih selesa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris.

Dalam zaman teknologi ini, terdapat banyak perubahan dalam teknologi komputer. Dapatan kajian menunjukkan hampir separuh pelajar menggunakan *Microsoft Power Point* ketika membuat pembentangan. Ini selari dengan dapatan Mohd Safarin et.al (2005) yang menunjukkan pelajar Kolej Komuniti memiliki tahap keyakinan yang sederhana dari aspek penguasaan teknologi informasi. Ini menunjukkan pelajar merasakan perlunya penggunaan teknologi dalam pembentangan.

## **2. Penerapan kemahiran bekerja dalam kumpulan menerusi aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM**

Dalam Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia menyenaraikan elemen-elemen yang diperlukan dalam kemahiran bekerja dalam kumpulan antaranya adalah membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. Ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan pelajar kerap mengadakan hubungan yang baik dengan ahli kumpulan. Ini mungkin disebabkan latar belakang pelajar iaitu guru pelatih, di mana dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka telah diterapkan untuk membina hubungan yang baik dengan rakan sekelas. Sebagai bakal guru, mereka akan berhadapan dengan pelbagai ragam pelajar dan rakan guru sendiri. Secara tidak langsung, mereka perlu membina hubungan yang baik dengan guru mahupun pelajar.

Hasil dapatan keseluruhan bagi soalan kajian ini turut disokong dengan model kajian yang dijalankan oleh pihak "The Conference Board of Canada" yang menetapkan kemahiran kerja berpasukan ini memerlukan seseorang yang memahami dan boleh menyumbang kepada pencapaian suatu organisasi. Dalam model ini turut menyentuh mengenai sikap menghormati dan menerima pendapat ahli kumpulan mereka sendiri dan mengamalkan prinsip "give and take" dalam penglibatan mereka secara berkumpulan. Ini berpadanan dengan dapatan kajian yang menunjukkan pelajar kerap menghormati kepercayaan rakan mereka dan mengamalkan sikap tolak ansur ketika menjalankan aktiviti kokurikulum. Sikap menghormati sememangnya ada dalam diri bakal seorang guru kerana situasi bekerja mereka perlu berhadapan dengan pelajar, rakan guru, pentadbir sekolah mahupun ibubapa.

Menurut Yeop Hussin (2006) kerja berpasukan dapat berjalan lancar sekiranya mempunyai pemimpin yang baik, anggota bertanggungjawab, hubungan yang erat antara ketua pasukan dan ahli-ahlinya, bersama-sama menyelesaikan masalah dan mempunyai matlamat yang jelas. Secara keseluruhannya, ia selari dengan dapatan kajian penyelidik yang menunjukkan penerapan kemahiran kerja dalam kumpulan menerusi kokurikulum adalah tinggi.

### **3. Penerapan kemahiran kepimpinan dalam aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.**

Dapatan kajian penyelidik mengenai penerapan kemahiran kepimpinan dalam aktiviti kokurikulum berada pada tahap sederhana. Ini menyamai dengan dapatan Nazim (2007) yang mendapati bahawa peranan aktiviti kokurikulum dalam pembentukan ketrampilan diri pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia dari aspek kemahiran kepimpinan juga berada pada tahap yang sederhana. Kemungkinan kebanyakan pelajar yang menyertai kokurikulum kurang berminat untuk menjadi ketua, sebaliknya mereka suka mengikut arahan sahaja.

Hasil dapatan kajian penyelidik bertentangan pula dengan dapatan Ahmad (2005) yang menunjukkan bahawa pelajar politeknik memberi maklum balas persepsi positif mengenai kemahiran kepimpinan yang diterapkan menerusi kokurikulum di politeknik-politeknik Malaysia. Kesemua item kajiannya mempunyai nilai min melebihi 3.80 dan menunjukkan para respondennya bersetuju bahawa mereka dapat menguasai kemahiran kepimpinan setelah mempelajarinya menerusi kokurikulum.

Kebanyakan pelajar mampu menggalakan ahli kumpulannya untuk berfikiran positif. Ini hampir menyamai dapatan Ahmad (2005) berkaitan dengan pembinaan pemikiran intelektual kerana turut memperoleh min yang tinggi. Sebagai bakal guru, mereka telah diterapkan untuk berfikiran positif sepanjang masa. Selain itu, sebagai bakal guru, mereka perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai pemikiran intelektual kerana guru adalah "role model" kepada pelajar mereka.

Secara keseluruhan bagi soalan kajian ini, mengenai penerapan kemahiran kepimpinan dalam aktiviti kokurikulum adalah berada pada tahap sederhana. Ini menyamai dengan dapatan kajian Khairiah (2006), yang menunjukkan kebanyakan responden menyatakan penglibatan mereka dalam kokurikulum dapat membentuk ciri-ciri asas kepimpinan turut berada pada tahap sederhana dan tinggi. Ini juga membuktikan kebenaran pernyataan Ab. Alim (1999) bahawa matlamat kegiatan kokurikulum menyediakan banyak peluang kepada pelajar-pelajar dalam asas kepimpinan, menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.

### **4. Kaedah penerapan kemahiran generik dalam aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.**

Kaedah atau cara adalah teknik yang digunakan dalam proses pengajaran ketika aktiviti kokurikulum seterusnya digunakan untuk menerapkan kemahiran generik. Terdapat pelbagai kaedah atau cara yang telah digunakan oleh jurulatih kokurikulum untuk menerapkan kemahiran generik ini.

Perbincangan adalah satu teknik pengajaran yang berbentuk perbualan dan ia dilakukan di kalangan pelajar di bawah penyelaiaan dan kawalan guru atau pembimbing (Kamarudin, 1998). Ini merujuk kepada dapatan kajian penyelidik yang menunjukkan aktiviti perbincangan dalam kumpulan dalam kokurikulum merupakan kaedah yang selalu digunakan. Ini berpadanan dengan kajian Nazri (2002) yang menyatakan kaedah perbincangan merupakan kaedah yang ketiga sering digunakan dalam pengajaran matapelajaran lukisan kejuruteraan. Ini juga menunjukkan kaedah perbincangan sememangnya sering digunakan bukan sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran, malahan dalam aktiviti kokurikulum turut digunakan juga. Kemungkinan para jurulatih kokurikulum merasakan ia adalah kaedah paling mudah dan tidak membebankan pelajar.

Kaedah kedua yang selalu digunakan adalah kaedah projek. Ini bersesuaian dengan pernyataan Tamyis (2002), iaitu kaedah projek memerlukan pelajar melakukan sesuatu aktiviti seperti kerja praktik iaitu kerja-kerja amali yang akan dilakukan pelajar samada berkumpulan atau individu dan hasilnya dikemukakan dalam bentuk laporan atau benda yang dihasilkan. Menurut Kamarudin (1998), kaedah projek amat mementingkan pemahaman konsep dan hubungan elemen melalui percubaan langsung dan pengalaman konkrit. Hasil pembelajarannya biasanya hendaklah dibuktikan. Bagi aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar dalam kajian ini antaranya adalah asas membuat pakaian, teknologi hortikultur hiasan dan sebagainya. Kebanyakan aktiviti yang melibatkan kaedah projek adalah di bawah Modul Kesenian dan Kebudayaan.

Bagi kaedah yang agak kurang dilaksanakan adalah kaedah program khidmat masyarakat. Kaedah ini walaupun disarankan dalam Yahya (2006), tetapi kurang dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum. Ini kemungkinan kurang bersesuaian dengan matapelajaran kokurikulum yang disertai pelajar. Program khidmat masyarakat biasanya memerlukan jangkamasa yang panjang dan perancangan yang teliti. Tetapi terdapat juga pelajar yang menyatakan kaedah ini selalu dilaksanakan. Ini kemungkinan melibatkan pelajar yang menyertai kokurikulum di bawah Modul Pembinaan Diri dan Masyarakat seperti budi penyayang.

Kaedah lawatan akademik turut memperoleh antara min yang rendah jika dibandingkan dengan kaedah yang lain. Ini berpadanan dengan kajian Fadizah (2002) yang mendapati kaedah lawatan akademik merupakan antara yang kaedah yang kurang digunakan dalam pengajaran matapelajaran rekapipta di Sekolah Menengah Negeri Johor. Tetapi terdapat juga pelajar menyatakan kaedah ini selalu digunakan dalam aktiviti kokurikulum. Ini kemungkinan faktor tugas mereka yang memerlukan mereka untuk melakukan lawatan luar bagi melengkapkan aktiviti mereka.

## **Rumusan**

Kajian tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengetahui penerapan kemahiran generik menerusi aktiviti kokurikulum di kalangan pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM. Antara kemahiran generik yang dikaji dalam kajian ini adalah kemahiran komunikasi (Communication Skills), bekerja dalam kumpulan (Teamworking) dan kepimpinan (Leadership). Selain itu, kaedah yang digunakan untuk menerapkan kemahiran generik turut dikaji dalam kajian ini.

Kajian ini dijalankan ke atas 136 orang pelajar tahun akhir kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik), Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) dan Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Mekanikal), Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai yang mana kesemuannya telah mengambil sekurang-kurangnya satu matapelajaran kokurikulum.

Kaedah pensampelan yang digunakan ialah dengan menggunakan seluruh populasi. Instrumen kajian yang digunakan ialah berbentuk soalan soal selidik dengan menggunakan Skala Tiga Mata di mana soalan soal selidik mengandungi 5 soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden dan 40 item soalan lagi yang menghubungkan kepada persoalan kajian yang dijalankan. Untuk mengetahui peratusan dan kekerapan atau hasil kajian yang dijalankan, data-data mentah yang dikutip dari soalan soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For The Social Science*) Version 11.5 Of Windows.

Dapatan kajian diperoleh daripada empat pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan secara keseluruhannya mendapat purata peratusan pada tahap sederhana untuk pilihan jawapan kerap. Ini menunjukkan kemahiran generik diterapkan dalam matapelajaran kokurikulum yang telah disertai oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.



## Rujukan

- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz ( 2000 ). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Razak (2006). *Tinjauan Tahap penguasaan Kemahiran Generik Hasil Daripada Polibridged Yang Diikuti Di Kalangan Pelajar Semester Dua di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah*. UTM : Tesis Sarjana Muda
- Abd Taib (2000). *Pembentukan Daya Kepimpinan dan Kaitannya Dengan Penglibatan Pelajar dalam Kokurikulum : Satu Kajian Kes*. UTM : Tesis Sarjana
- Adibah Abdul Latif (2005). *Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik Dengan Pencapaian Prestasi Pelajar : Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Ahmad Esa (2005). *Persepsi pensyarah Terhadap Penerapan Kemahiran Komunikasi Menerusi Kokurikulum di Politeknik*. Batu Pahat : UTHM
- Ahmad Esa (2005). *Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Di Politeknik*. Batu Pahat: UTHM
- Arasoo V.T.(1987). *Kegiatan Kokurikulum: Penyeliaan dan Pentadbiran*. Petaling Jaya : Polygrafic Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abd Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Buku Panduan Akademik. Universiti Teknologi Malaysia. (2005) Buletin P&P Versi elektronik (Jun 2007). *Pemantapan Atribut Graduan UTM*. Skudai : Tidak Diterbitkan
- Edriana (2006). *Kesedaran Terhadap Kepentingan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan, UTM*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda
- Fadizah Salih (2002). *Kaedah Pengajaran Yang Kerap Digunakan Dalam Matapelajaran Rekacipta di Sekolah Menengah Negeri Johor*. UTM : Tesis Sarjana Muda
- Impact Factory (2007). *Leadership Developments, Leadership Skills and Training* : Unpublished.
- Jaafar (1997). *Kelakuan Organisasi*. Kuala Lumpur : Leeds Publications.
- Jawatankuasa Kabinet (1979). *Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kamarudin Husin (1998). *Pedagogi 2*. Universiti Putra Malaysia : Siri Pendidikan Longman
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (2006-2010)*. Putrajaya